Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Sekolah wajar dibenar cari guru terus di universiti, IPGM

September 20, 2023 @ 10:12am

Minda Pengarang

Pendedahan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (**NUTP**) bahawa isu kekurangan guru selama ini dikaitkan sekolah di pedalaman sudah menular ke bandar perlu diberikan perhatian segera oleh Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang turut bertanggungjawab dalam menyediakan modal insan dalam bidang terpenting itu. Malah, isu ketiadaan tenaga pengajar baharu ditempatkan terutama menggantikan mereka yang sudah bersara itu turut berlaku di sekolah berasrama penuh (SBP), sekali gus menunjukkan masalah itu sudah semakin kritikal.

Guru menjadi tonggak penting dalam institusi pendidikan hingga sebarang kekurangan atau kelemahan boleh mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), sekali gus menjejaskan mutu pendidikan, apatah lagi sekiranya membabitkan mata pelajaran Bahasa Inggeris serta Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Malah, tidak keterlaluan untuk kita menyifatkan sesebuah sekolah masih boleh memberikan pendidikan terbaik di sebalik kekurangan prasarana tetapi tanpa guru mencukupi, ia mungkin sukar untuk dicapai.



Foto hiasan.

Kita sedar KPM sebelum ini membuka pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 tahun 2023 bagi mengatasi masalah kekurangan guru membabitkan 19,000 kekosongan seluruh negara tetapi NUTP mendakwa pengambilan guru baharu tidak selaras dengan keperluan disebabkan peruntukan disediakan Kementerian Kewangan tidak mencukupi. Ini menyebabkan permohonan dikemukakan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) berdasarkan kekosongan di sekolah kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) kebiasaannya tidak dapat memenuhi kuota seperti diminta.

Hakikatnya, isu kekurangan guru bukan masalah baharu dalam sistem pendidikan, sekali gus memerlukan penyelesaian menyeluruh dan dimulakan pada peringkat sumber yang menyediakan bakal pendidik lagi, iaitu 14 universiti awam (UA) menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) melahirkan guru sekolah menengah dan 27 Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) menghasilkan guru sekolah rendah serta institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), sekali gus membabitkan kerjasama rentas kementerian antara KPM dan KPT.

Justeru, kerajaan perlu memanfaatkan kemajuan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) untuk mewujudkan pangkalan data berinovasi menghubungkan kementerian dengan institusi pendidikan dan universiti supaya data penting seperti keperluan bidang kemahiran atau kepakaran guru serta unjuran kekosongan jawatan akibat pelbagai faktor termasuk bersara dapat diselaraskan hingga penempatan boleh dilakukan dengan lebih pantas. Malah, kewujudan pangkalan data sebegitu juga memudahkan sekolah mencari pemohon dengan bidang diperlukan secara terus dengan UA atau IPGM berdasarkan syarat serta prosedur ditetapkan KPM seperti disarankan ahli akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr Shamsul Arrieya Ariffin yang pernah disiarkan di akhbar ini.